

**CABARAN DALAM MENANGANI
GOLONGAN MAK NYAH: KAJIAN
TERHADAP PENGUATKUASAAN UNDANG-
UNDANG JENAYAH SYARIAH DI JABATAN
AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

*Challenges in Dealing with ‘Mak Nyah’
Group: A Study in Law Enforcement of Syariah
Criminal Law Division Department of Federal
Territory Islamic Affairs, Kuala Lumpur*

Siti Aisyah Samudin

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
sitiaisyah.samudin@um.edu.my*

Nur Ainaa Adilah Jasmi

*Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
ainaaadilah218@gmail.com*

ABSTRACT

The growing number of ‘mak nyah’ in Malaysia from time to time is seen as more and more worrying. This group became a hot topic that was talked about by the community where some supported it and some strongly rejected it. Issues arise when this group is seen to be growing in number, but it seems that no strict action is taken against them so that there are a few of these mak nyah groups who become famous figures and even successful entrepreneurs. The writing focuses on the challenges faced by Religious Enforcement Officers in the Law Enforcement Division of the Department

of Islamic Religion in the Federal Territory. This study was conducted to analyze what are the current ongoing challenges, whether they are still being faced or new challenges by discussing the issues in detail. The 'mak nyah' group is included under the provisions of Section 28, Men acting like women, of the Federal Territories Syariah Criminal Offenses Act (AKJSWP) 1997. The author also suggested improvements to enforce this offense more effectively. Research data was obtained from library research and interviews, the data was then analyzed using inductive methods and thematic content analysis. This study found that Section 28 of the 1997 AKJSWP has limitations for prosecuting offenses involving motherhood which is becoming more prevalent in this current era. Various challenges from several aspects are faced by PPA in enforcing this offense where there is a need for improvement to these challenges to deal with 'mak nyah' crime.

Keywords: *shariah, criminal law, enforcement, religious offenses, Mak Nyah*

PENDAHULUAN

Mutakhir ini, golongan mak nyah di Malaysia semakin berani menonjolkan diri dengan melakukan perbuatan yang tidak bermoral seperti perlakuan-perlakuan sumbang iaitu melakukan hubungan sejenis, berhias dengan menyerupai wanita dengan memakai pakaian yang seksi menjolok mata, tidak kira sama ada secara fizikal mahupun di alam siber yang menunjukkan contoh buruk dalam masyarakat (Mohd Arif Ariffin Abu Bakar & Siti Zubaidah Ramli, 2019: 32). Pada realitinya di Malaysia, golongan mak nyah ini adalah merupakan komuniti transgender atau dikenali sebagai 'pondan', 'bapok', 'male femaling', 'male efiminet' dan 'male transexual' (Amran Hassan, et. al. 2013).

Golongan ini semakin lama semakin bertindak di luar kawalan sehingga mereka menganggap perbuatan mereka itu bukan suatu kesalahan, malah mereka bertindak menuntut hak kebebasan menjalankan kegiatan tidak bermoral tersebut dengan mengatakan seolah-olah ia merupakan hak asasi mereka yang tidak boleh dicabuli oleh mana-mana pihak (Ibid). Perbuatan ini jelas dilarang dan ditegah sekeras-kerasnya dalam Islam sebagaimana menurut hadith Rasulullah SAW berkenaan larangan menyerupai berlainan jantina asal, dari Ibn 'Abbās RA dalam sahih Bukhari yang menyatakan bahawa Rasulullah melaknat golongan lelaki yang berkelakuan seperti perempuan dan sebaliknya bagi perempuan yang berkelakuan seperti lelaki (Ibn Majah, 1894: 18).

Manakala firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Layl ayat 3, surah Ash-Shura ayat 49 dan surah Al-Imran ayat 36 yang menyebut bahawa “lelaki tidak sama dengan perempuan”. Allah SWT juga telah mengingatkan kepada manusia apabila syaitan berseduap untuk memusnahkan manusia, salah satu caranya ialah dengan menghasut manusia mengubah ciptaan Allah SWT.

Walaupun Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan (AKJSWP) 1997 telah memperuntukkan kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan melalui Seksyen 28, namun dilihat ia masih belum mampu membasmi isu ini daripada terus berleluasa. Apabila tindakan tegas tidak diambil kepada pesalah-pesalah mak nyah ini, mereka akan semakin berani melakukan kesalahan tersebut dan perbuatan ini akan dianggap biasa oleh masyarakat konvensional tanpa mengetahui impak buruk di kemudian hari.

Oleh kerana masyarakat semasa masih terus dilanda dengan isu gejala mak nyah ini, perkara ini membuatkan kajian terkini perlu dihasilkan untuk meneliti apakah cabaran terkini dan halangan yang masih berterusan yang dihadapi dalam mendakwa golongan mak nyah. Keberkesanan pelaksanaan undang-undang ini adalah bergantung kepada daya usaha penguatkuasaan pihak Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menangani golongan ini. Oleh itu, kajian penulis mengenai cabaran penguatkuasaan jenayah Syariah menangani golongan mak nyah khususnya di Wilayah Persekutuan ini merupakan suatu kajian baharu yang diperlukan bagi memanfaatkan institusi perundangan Syariah negara pada masa hadapan.

DEFINISI MAK NYAH

Mak nyah menurut perspektif Islam adalah mereka yang mengamalkan perlakuan yang bercanggah dengan jantina mereka sendiri. Dalam bahasa Arab, istilah mak nyah dikenali sebagai *mukhannas* dimana ia berasal daripada perkataan *hanasa* yang diertikan sebagai lembut. *Al-Mukhannath* dalam kitab *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* bermaksud seseorang lelaki yang menyerupai perempuan dalam segala bentuk gerak-gerinya secara semulajadi mahupun yang dibuat-buat (*Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah*, 1996). Mak nyah merupakan lelaki yang mempunyai kecenderungan ke arah sifat keperempuanan sama ada dari segi percakapan, pakaian, perbuatan dan sebagainya (JAKIM, 2013: 26). Mak nyah ini adalah berbeza daripada khunsa. Khunsa sebagaimana dirujuk definisi dalam kamus dewan edisi keempat, adalah orang yang mempunyai dua alat kelamin. Berbeza dengan mak nyah, ia adalah seseorang yang lahir dengan alat kelamin lelaki tetapi naluri keperempuanannya lebih tinggi daripada sifat lelakinya sehingga menyebabkan seseorang itu bertindak menyerupai jantina lawannya.

Takrif *mukhannas* ini juga dibincangkan dengan lebih mendalam oleh para ulama' mazhab. Antaranya *mukhannas* menurut pandangan mazhab Syafie' adalah seseorang yang berkelakuan seperti wanita dari segi pergerakannya atau keadaannya. Akan tetapi sekiranya dengan sebab kejadian semula jadi, maka ia tidak dikira berdosa (Shamsuddin Muhammad, 2000: 430). Manakala menurut pendapat mazhab Hanafi, *mukhannas* adalah sifat lembut yang wujud pada perbuatan yang menyerupai wanita sedangkan dia seorang lelaki. Maka seseorang itu dianggap fasik kerana cenderung ke arah sifat kewanitaian (al-Sarakhshi, 1993: 382). Seterusnya, menurut mazhab Maliki pula, *mukhannas* adalah kecenderungan kepada sifat wanita yang begitu kuat dari sudut kelembutan, percakapan, pandangan, suara dan perbuatan. Akhir sekali, dari sudut pandang mazhab Hambali pula mukhannas ini ialah seseorang yang tiada syahwat, maka ia dihukum seperti *zawil al-arham* dalam bab melihat (JAKIM, 2013: 9).

Mak nyah yang juga dikenali dengan istilah *transgender* mula dipopularkan oleh Virginia Prince pada akhir 1970-an yang mana ia merujuk kepada seseorang yang tidak menginginkan kepada pengesahan jantina melalui intervensi perubatan dan/atau seseorang yang menganggap bahawa mereka terjatuh antara dua jantina (Gerald P. Mallon 2009). Para ulama membahagikan *mukhannas* kepada dua golongan. Pertama, seorang lelaki di mana sifat fizikalnya adalah semulajadi lembut dan tiada sebarang perbuatan sumbang yang dilakukannya. Mengikut pendapat kebanyakan ulama seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam al-Majmu, jika mutlak keadaannya seperti itu dan ia tidak mampu meninggalkan kelembutannya, maka golongan ini tidaklah melakukan kesalahan. Golongan kedua adalah sifat yang dibuat-buat sehingga seorang lelaki menjadi lembut seperti wanita. Ia termasuklah menggayakan pakaian wanita dan melakukan pembedahan menukar jantina. Golongan ini dicela dan hukumnya adalah haram serta tidak dibolehkan (Ibid, 26).

DALIL PENGHARAMAN LELAKI MENYERUPAI WANITA

Perbuatan mak nyah atau lelaki menyerupai wanita ini jelas-jelas telah melanggar hukum Islam bahkan berdosa besar. Ia termasuk dalam perbuatan mengubah ciptaan Allah iaitu perkara yang diharamkan dalam Islam. Rasulullah SAW melaknat golongan ini sebagaimana berdasarkan hadis:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

"Daripada Ibnu 'Abbas, katanya, "Rasulullah SAW melaknat lelaki yang meniru-niru gaya perempuan, dan perempuan yang meniru-meniru gaya lelaki". Kitab al-Libas Sahih al-Bukhari 5885.

Islam melarang perbuatan keji ini kerana sememangnya boleh memberikan ancaman dahsyat kepada kehidupan bermasyarakat. Hal ini adalah kerana sikap tersebut telah melanggar nilai normal dan menentang tabiat semulajadi, sedangkan masing-masing jantina lelaki dan perempuan dijadikan dengan keistimewaannya tersendiri.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 juga telah membincangkan isu pertukaran jantina daripada lelaki kepada Perempuan¹. Telah diputuskan bahawa pembedahan pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya adalah haram dari segi syarak melainkan khunsa musykil iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan. Maka pembedahan diharuskan untuk mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi mengikut keadaan yang sesuai.

Sering kita dengar dalam kes-kes lelaki berlagak seperti perempuan ini, ada dalam kalangan mereka yang mendakwa bahawa diri mereka mempunyai penyakit kecelaruan jantina (*Gender Identity Disorder*). Sebagai contoh dalam kes *Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis, Shukur bin Jani & Wan Fairol bin Wan Ismail lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & Lain-lain*² yang membuat pembelaan dengan menyatakan mereka menghidap GID. Walau bagaimanapun, melalui hasil temu bual bersama Puan Mastuyah binti Sahari selaku Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Bahagian Penguatkuasaan Wilayah Persekutuan, beliau berpandangan bahawa:³

"Ia hanyalah momok-momok dan alasan bagi menghalalkan perbuatan mereka. Bahkan mereka yang menghidap GID ini adalah sedikit sekali kuantitinya di negara."

¹ Laman web Mufti Wilayah Persekutuan. (2015). Siri 5: Isu transgender, tasyabbuh atau penyerupaan: Hukumnya (Edisi kemaskini), <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1820-siri-5-isu-transgender-tasyabbuh-atau-penyerupaan-hukumnya-edisi-kemaskini>, diakses pada 10 Mac 2023.

² *Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis, Shukur bin Jani & Wan Fairol bin Wan Ismail lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & Lain-lain* [2015] 3 MLJ 513

³ Mastuyah Sahari (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 13 Jun 2023.

Islam hanya mengiktiraf jantina lelaki dan perempuan. Bahkan dalam konteks golongan mak nyah atau *transgender*, batasan aurat masih mengikut jantina asal walaupun penampilan mereka adalah bertentangan. Isu aurat ini perlu difahami dan dititik beratkan kerana ia menimbulkan konflik dalam pelaksanaan ibadah dan muamalat seperti solat, puasa dan pembahagian harta pusaka (Rositah Kambol, 2020). Sekiranya seseorang individu itu dicipta sebagai seorang lelaki, maka hiduplah dengan cara seperti lelaki yang mematuhi Syariat begitu jugalah sebaliknya.

Penyerupaan kepada sesuatu dalam bahasa arabnya adalah *tasyabbuh* dari kata dasarnya *sya-ba-ha* yang juga disebut *syibh*, *syabah* dan *syabih* (Ahmad Faris, 1411H). Kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita ini disebut sebagai *tasyabbuh*. Dari segi istilah, menurut imam al-Ghazali, *tasyabbuh* disini adalah bermaksud perbuatan manusia menyerupakan dirinya dengan sesuatu yang diinginkan sama ada dalam hal tingkah laku, pakaian, atau sifat-sifatnya. Dari segi perbahasan fiqh, *tasyabbuh* yang bermaksud penyerupaan ini adalah termasuk dalam perkara-perkara seperti berikut (JAKIM, 2013: 27):

- a) Pakaian.
- b) Perhiasan.
- c) Percakapan dan suara.
- d) Gaya berjalan dan gerak badan.
- e) Mengubah bentuk fizikal badan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI LELAKI MENYERUPAI WANITA

Lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita ini merupakan kesalahan jenayah yang telah pun diperuntukkan di bawah undang-undang Syariah. Di Malaysia, undang-undang yang mengawal selia perlakuan orang-orang Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Setiap negeri di Malaysia melalui enakmen/akta/ordinan Kesalahan Jenayah Syariah negeri masing-masing mempunyai peruntukan undang-undang bagi mengawal kesalahan lelaki memakai pakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) ini.

Di Wilayah Persekutuan, kesalahan ini diperuntukkan di bawah Seksyen 28, Orang lelaki berlagak seperti perempuan, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

“Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam

atas tujuan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”

Kesalahan ini merupakan Kesalahan Boleh Tangkap (KBT) dimana kes ini tidak memerlukan waran tangkap untuk membuat tangkapan ke atas pesalah bagi jenayah ini. Bagi membolehkan pihak berkuasa mendakwa pesalah bagi jenayah ini, secara ringkasnya Seksyen 28 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 telah menyatakan lima elemen penting yang perlu wujud untuk mendakwa dan mensabitkan bahawa seseorang itu melakukan jenayah tersebut sekiranya berjaya dibuktikan. Elemen-elemen tersebut adalah seseorang itu mestilah lelaki yang berpakaian perempuan, berlagak seperti perempuan, melakukan kesalahan tersebut di tempat awam dan dengan niat melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

ELEMEN-ELEMEN YANG PERLU WUJUD BAGI MENSABITKAN SESEORANG DENGAN KES JENAYAH LELAKI BERLAGAK SEPerti PEREMPUAN

1. Seorang Lelaki

Lelaki itu mestilah mempunyai alat kelamin bagi seseorang lelaki sahaja. Pertumbuhan tubuh badannya seperti lelaki normal iaitu berjanggut dan bermisai dan apabila berkahwin boleh menghasilkan zuriat.

2. Berpakaian Perempuan

Seseorang lelaki itu memakai pakaian perempuan seperti baju perempuan, perhiasan seperti gelang, subang dan kalung.

3. Berlagak seperti Perempuan

Seorang lelaki yang meniru gaya perempuan seperti gaya bercakap seperti bercakap dengan suara yang halus, berjalan seperti berlenggang-lenggok dan lain-lain yang menjadi kebiasaan orang perempuan.

4. Di mana-mana Tempat Awam

Melakukan kesalahan tersebut di tempat awam ini bermaksud perbuatan tersebut adalah dilakukan di kawasan-kawasan terbuka kepada pandangan umum terutama kawasan lalu-lalang orang ramai. seperti ruang legar pusat-pusat membeli-belah, tempat pelancongan, di tepi jalan dan lain-lain tempat tumpuan orang awam.

5. Dengan niat melakukan perbuatan yang tidak bermoral

Dengan niat di sini disifatkan sebagai melakukan perbuatan tidak bermoral tersebut dengan sengaja atas kerelaan tanpa paksaan daripada mana-mana pihak yang lain. Perbuatan tidak bermoral pula menurut dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat adalah perbuatan yang bertentangan dengan ciri-ciri akhlak yang dianggap baik yang juga boleh disebut sebagai tidak sopan. Melihatkan kepada elemen perbuatan tidak sopan ini, terdapat satu peruntukan undang-undang yang bersesuaian untuk mengenakan hukuman kepada jenayah tersebut sekiranya elemen-elemen dalam Seksyen 28 tidak mencukupi untuk didakwa (Mohd Afzul Hakim 2021). Peruntukan tersebut ialah Seksyen 29 Akta yang sama iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Perbuatan tidak sopan di tempat awam:

“Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.

Peruntukan ini adalah bersifat umum yang boleh menghukum sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam. Perkataan ‘bertindak atau berkelakuan tidak sopan’ yang dimaksudkan dalam peruntukan tersebut adalah satu perbuatan yang dianggap telah melanggar batas-batas kesopanan dan tidak bertatasusila sebagai seorang Islam (Ai’shah 1999). Dengan demikian perbuatan tersebut adalah dianggap sebagai perbuatan jenayah. Perbuatan ini juga telah diterangkan dalam Arahan Amalan No 8 Tahun 2005:

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005:

Maksud Perkataan Bertindak atau Berkelakuan Tidak Sopan Di Dalam Seksyen 29 Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10- 12hb April 2005 bersamaan 1-3 Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan maksud perkataan “bertindak atau berkelakuan tidak sopan” di bawah Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau dalam mana-mana Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri, adalah apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat awam termasuklah:

- (i) bercumbu-cumbuan;*
- (ii) berpeluk-pelukan;*
- (iii) pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang mengghairahkan; atau*
- (iv) lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak*

Perbuatan tidak sopan di tempat awam telah diperincikan dengan jelas berdasarkan arahan amalan tersebut. Dapat dirumuskan disini, melalui peruntukan Seksyen 28 dan 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Pendakwa Syarie boleh menuduh pesalah golongan mak nyah berdasarkan Seksyen 28 AKJSWWP 1997 dan sekiranya terdapat elemen-elemen yang tidak kukuh seperti tiada elemen tujuan tidak bermoral, Pendakwa Syarie boleh menuduh pesalah tersebut berdasarkan Seksyen 29 AKJSWWP 1997 dengan elemen ‘mana-mana lelaki berpakaian yang mengghairahkan’.

Untuk lebih memahami elemen-elemen jenayah lelaki menyerupai perempuan tersebut boleh dirujuk dalam kes yang direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu kes pada 2016 iaitu kes *Ketua Pendakwa Syarie lwn Mohd Ibrahim bin Mohd Amid @ Abdul Hamid*⁴. Fakta kesnya pada 12 April 2016 lebih kurang 7.20 petang, sepasukan anggota polis dari Balai Polis Chow Kit Kuala Lumpur telah menjalani “Rondaan Khas KPB” di Lorong Haji Taib 1, Kuala Lumpur. Setibanya di lokasi kejadian, pasukan ini telah membuat pemerhatian selama kurang lebih 10 minit terhadap seorang lelaki yang berpakaian seperti perempuan.

Berdasarkan pemerhatian, suspek didapati telah menegur serta berbual bersama beberapa orang lelaki yang sedang melalui kawasan tersebut disyaki

⁴ Nombor rujukan kes pihak-pihak perlu dirahsiakan.

sedang berurusan mencari pelanggan bagi tujuan pelacuran seterusnya menawarkan perkhidmatan seks. Anggota polis ini telah menghampiri suspek dengan memperkenalkan sebagai polis dan menangkap lelaki tersebut kemudian dibawa ke bahagian penguatkuasaan JAWI untuk tindakan lanjut. Ketika ditahan, tertuduh memakai baju 'dress' peha berwarna coklat tanpa lengan, berambut palsu paras leher dan memiliki beg tangan berwarna merah lengkap beg dompet dan alat solek. PPA menyita bukti-bukti jenayah setelah mendapatkan perintah agar barang kes disita dan dilupuskan dengan cara yang wajar di bawah subseksyen 201 (2), Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Mahkamah hendaklah menimbang cara melupuskan barang kes:

“(2) Jika Mahkamah tidak membuat perintah tentang pelupusan barang kes itu, barang kes itu hendaklah diserahkan kepada Pendakwa yang bertanggungjawab bagi prosiding itu dan boleh diperlakukan oleh Pendakwa itu mengikut peruntukan Bab ini seolah-olah Mahkamah itu telah membuat perintah atau perintah-perintah yang bermaksud sedemikian.”

Hasil siasatan dan pemeriksaan lanjut oleh PPA JAWI, tertuduh merupakan seorang lelaki beragama Islam yang berumur 34 tahun dan berkerja sebagai jurusolek. Tertuduh telah diterangkan mengenai kesalahan yang dilakukan dan tertuduh mengaku bersalah. Mahkamah mensabitkan kesalahan tertuduh pengakuan bersalah di bawah Seksyen 28 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, orang lelaki berlagak seperti perempuan. OKT membuat rayuan kepada mahkamah bagi mengurangkan dan meringankan hukumannya dengan memohon maaf dan berjanji kepada Allah bahawa OKT tidak akan mengulangi kesalahannya itu lagi. OKT mendakwa bahawa beliau baru sahaja belajar agama dan beriman kepada Allah. OKT benar-benar insaf dan beliau terpaksa menggunakan duit ibunya yang buta sebelah mata untuk membayar denda. OKT akhirnya diberikan hukuman ditahan reman selama seminggu lebih dengan denda sebanyak RM1000 atau 8 bulan penjara. Mahkamah memerintahkan bon jamin sebanyak RM1000 dijadikan denda berkuatkuasa serta merta. Disini jelas dilihat kesemua elemen jenayah lelaki berlagak seperti perempuan itu wujud dan berjaya dibuktikan menyebabkan OKT berjaya disabitkan di bawah kesalahan ini.

Selain itu, kes pada 2019 pula, iaitu kes *Ketua Pendakwa Syarie lwn Syam*⁵ juga di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Pada 8 Mac 2019 lebih kurang jam 2.15 pagi, anggota polis daripada Polis Chow Kit tugas OPS Bajet Kuala Lumpur telah menjalankan rondaan di siar kaki


⁵ Nombor rujukan kes pihak-pihak perlu dirahsiakan.

lima Lorong Haji Taib 2 Chow Kit. Setibanya di lokasi, seorang individu yang dilihat berpakaian perempuan disyaki sedang berurusan aktiviti pelacuran dengan beberapa orang lelaki di kawasan tersebut dengan harga RM50 bagi setiap kali perkhidmatan pelacuran. Individu ini telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan pelacuran.

Hasil siasatan dan pemeriksaan yang diberikan secara lisan mendapati suspek adalah seorang lelaki beragama Islam, berumur 38 tahun berwarganegara Indonesia yang berkerja sebagai tukang urut. OKT ketika ditahan memakai 'skirt' pendek paras paha berwarna biru dan baju singkat tanpa lengan berwarna ungu. OKT setelah dibuat laporan tangkapan di Balai Polis Chow Kit diserahkan kepada pihak bahagian penguatkuasaan JAWI. Melalui pemeriksaan lanjut juga, PPA telah menemui bahan bukti dan menyita bulu mata palsu, bedak, baju dalam wanita, skirt pendek, 'dress' dan beg wanita. Mahkamah akhirnya memutuskan OKT disabitkan bersalah di bawah Seksyen 28 AKJSWPP 1997. OKT membuat rayuan meringankan hukuman kerana kesalahan kali pertama. Keluarga OKT juga tidak mengetahui tentang kegiatannya yang bersalahan dengan agama dan undang-undang ini. OKT mendakwa bahawa beliau tidak pernah tidur bersama lelaki. OKT juga mengaku mengenakan caj RM50 untuk pelanggan dan RM 200 untuk perkhidmatan jenis seks.

Walau bagaimanapun, pendakwa berhujah bahawa tidak mustahil bahawa bala Allah akan menimpa pada mereka sekiranya dibiarkan, dan hendaklah mengenakan hukuman yang maksimum. Pendakwa berhujah lagi bahawa kita tidak mahu menggalakkan dosa dan menyebabkan kekeliruan jantina kepada orang ramai. Pesalah juga boleh menilai baik dan buruk, penjara adalah tempat yang sesuai kerana wujudnya kelas agama untuk membaiki sahsiah pesalah. Mahkamah memutuskan hukuman dikenakan kepada pesalah adalah denda sebanyak RM900 atau dua bulan penjara sekiranya gagal bayar denda. Pesalah sabit kesalahan dan hukuman. Melalui kes-kes yang dinyatakan, dapat dirujuk dengan jelas bahawa elemen-elemen dalam Seksyen 28 tersebut telah dipenuhi. Kesalahan tersebut memerlukan setiap elemen yang diperuntukkan bagi membolehkan tertuduh disabitkan di bawah seksyen ini tanpa dipertikai.

Berikut merupakan statistik kes bagi kesalahan di bawah Seksyen 28 AKJSWP 1997 iaitu kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan di Wilayah Persekutuan dari tahun 2017 sehingga 2022.



Sumber: Unit Rekod di Bahagian Penguatkuasaan JAWI⁶

Berdasarkan pemerhatian penulis, trend kes yang direkodkan adalah semakin menurun setiap tahun sedangkan realitinya jenayah lelaki berlagak seperti wanita ini adalah meningkat saban hari. Daripada analisis ini, kekurangan kes kesalahan syariah golongan mak nyah yang berlaku di Wilayah Persekutuan bukanlah disebabkan keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan oleh bahagian ini, akan tetapi oleh kerana kekurangan gerakan operasi dan penguatkuasaan yang dijalankan. Oleh kerana inilah, penulis ingin meneliti dan mengkaji apakah sebenarnya cabaran yang dihadapi oleh penguatkuasa agama khususnya di Wilayah Persekutuan menyebabkan kesalahan ini tidak dapat dibendung dengan baik dan berkesan.

Jika dilihat pula kes di Shah Alam, isu mengenai seorang usahawan kosmetik terkenal, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman (Sajjad), PPA di Shah Alam sebenarnya telah mengambil tindakan ke atasnya dimana beliau telah dikenakan waran tangkap tanpa jaminan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 23 Februari 2021 kerana gagal hadir ke mahkamah pada sebutan semula kesnya. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak berhenti di situ, mereka telah berusaha mengesan dan mencarinya untuk dibawa ke mahkamah. Sekitar empat orang penguatkuasa JAIS diperlukan untuk menahan usahawan kosmetik tersebut dalam satu-satu masa (Mohammad Hariz Shah & Ahmad Hidayat Buang, 2021).

Datuk Ahmad Marzuk Shaary yang merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ketika itu, menegaskan bahawa sesiapa sahaja yang didapati melakukan kesalahan termasuk Sajjad tidak akan terlepas daripada hukuman mengikut lunas undang-undang. Pertuduhan yang dikenakan ke atas beliau adalah pada 6 Januari 2015 berpakaian seperti wanita

⁶ Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023.

dalam satu majlis bacaan Yaasin dan solat hajat pada tahun 23 Februari 2018 di pusat kecantikan miliknya di Seksyen 16, Shah Alam. Beliau didakwa mengikut Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Walau bagaimanapun, beliau mengaku tidak bersalah dan telah dibenarkan oleh mahkamah supaya dibebaskan dengan jaminan RM3,000 (Bernama 2021, Januari). Tindakan yang telah diambil oleh JAIS terhadapnya telah menimbulkan rasa gerun kepada beliau, bahkan kepada golongan mak nyah di luar sana apabila orang ternama telah diambil tindakan. Tindakan JAIS ini telah membuatkan Sajjad keluar negara kerana takut dikenakan tindakan lagi. Apabila beliau bertindak keluar negara, ia menyusahkan pihak negeri untuk mengambil tindakan ke atasnya kerana di luar bidang kuasa.

Di setiap negeri sememangnya telah memperuntukkan kesalahan ini, dan sekiranya disabitkan, boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang dinyatakan. Oleh itu, mana-mana lelaki yang dilihat menyerupai wanita dengan bertindak memakai pakaian wanita dan bertingkah seperti wanita dengan sengaja di khalayak umum serta melakukan perbuatan tidak bermoral boleh dilaporkan kesalahan tersebut kepada pihak penguatkuasa agama untuk diambil tindakan. Pengharaman ini tidak lain dan tidak bukan adalah penting bagi membendung kes jenayah syariah yang lain seperti liwat dan membendung isu perdagangan seks. Amalan cara hidup golongan seperti ini adalah bertentangan dengan undang-undang dan norma agama dan masyarakat di negara yang boleh mengakibatkan kekeliruan dan kacau bilau. Ia juga dilihat tidak menghormati dan mencabar agama Islam sebagai agama persekutuan di bawah Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Siasatan dan pendakwaan perlulah disegerakan yang bukan hanya bertujuan memperbaiki dan memberi pengajaran kepada pelaku semata-mata, malah juga untuk melindungi masyarakat dengan mencegahnya daripada terus berlaku.

ANALISIS CABARAN PENGUATKUASAAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH GOLONGAN MAK NYAH

1. Cabaran dari Aspek Peruntukan Undang-Undang

Elemen-elemen yang perlu wujud bagi membuktikan kesalahan lelaki menyerupai perempuan atau erti kata lain mak nyah dalam Seksyen 28 AKJSWP 1997 telah pun diperhalusi satu demi satu dalam bab sebelum ini. Dimana elemennya ialah seorang lelaki, berpakaian perempuan, berlagak seperti perempuan, dimana-mana tempat awam dan dengan niat melakukan perbuatan tidak bermoral. Melalui hasil temubual daripada Puan Marina binti

Kassim yang merupakan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, beliau berkata⁷:

“Elemen-elemen yang diperuntukkan dalam Seksyen ini datang sekali arung, jadi apabila kita ingin mensabitkan mereka di bawah kesalahan ini, kita perlu membuktikan kesemua elemen tersebut.”

Kelompokan peruntukan ini dapat dilihat dalam elemen tempat awam itu sendiri, dimana elemen ini boleh dipertikaikan apabila golongan mak nyah ini mempromosikan produk jualan mereka di media sosial dengan berpakaian wanita di dalam rumah mereka sendiri. Disini mereka boleh mendakwa bahawa mereka hanya berada di dalam rumah bukanlah di tempat awam sebagaimana yang didefinisikan sebelum ini tempat laluan orang ramai seperti di pusat membeli-belah, tempat pelancongan dan sebagainya. Selain itu, mereka juga boleh mempertikaikan elemen perbuatan tidak bermoral dimana mereka boleh mendakwa bahawa mereka hanya menjual produk mereka dan bukanlah melakukan perbuatan sumbang seperti melakukan hubungan seks dan memperagakan pelacuran. Setakat kes lelaki menyerupai wanita yang diteliti dan dianalisis yang berjaya didakwa di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan adalah mereka yang terang-terangan melakukan urusan pelacuran di Lorong Haji Taib, Kuala Lumpur. Kes jenayah lelaki menyerupai perempuan yang direkodkan di mahkamah tersebut amatlah sedikit dari tahun 2019 sehingga 2022 sedangkan jenayah ini semakin hari semakin meningkat. Hal ini menunjukkan bahawa kesalahan ini dilihat sukar dibuktikan dengan elemen-elemennya seperti elemen tempat awam dan perbuatan tidak bermoral tidak dapat dibuktikan dengan baik.

Jika diperhalusi, apabila peruntukan ini tidak begitu jelas elemen-elemen kesalahannya, akibatnya, ia akan menyukarkan pelaksanaan penguatkuasaan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA). Pendefinisian tempat awam dan perbuatan tidak bermoral yang tidak jelas dan tidak sesuai dengan perkembangan semasa tersebut boleh mengganggu usaha penguatkuasaan. Sekiranya golongan-golongan mak nyah yang tidak memenuhi elemen-elemen seperti yang diperuntukkan ini tetap ditangkap, oleh kerana peruntukan yang tidak jelas tersebut, maka ia akan membawa kepada cabaran yang lain iaitu akan menjejaskan kes yang dibawa ke Mahkamah kerana kekurangan bukti dan tidak boleh membantu kes tersebut di mahkamah.

⁷ Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023.

Golongan mak nyah ini juga ada yang merentas sempadan negara yang menjadikan jenayah ini sukar dibendung kerana undang-undang negara sedia ada tidak boleh terpakai untuk mengadili kes-kes jenayah yang berlaku di luar sempadan negara. Hal ini demikian kerana ia berada di luar bidang kuasa dan tiada peruntukan bersesuaian. Dapat dilihat jenayah rentas sempadan kini menjadi satu fenomena yang boleh mengganggu gugat keamanan individu, masyarakat juga negara. Tindakan undang-undang sukar dikenakan kepada pelaku kesalahan ini berpunca daripada peruntukan itu sendiri yang membataskan. Sebagai contoh, dalam suatu kes yang menggemparkan Malaysia baru-baru ini dimana ia melibatkan seorang *transgender* yang memakai telekung sewaktu menunaikan umrah yang berlaku di luar negara dianggap mencemarkan kesucian agama Islam dan menjatuhkan imej negara di mata dunia. Masyarakat mempertikaikan mengapa sosok ini dilihat sukar didakwa sedangkan terang-terangan melakukan kesalahan. Melalui hasil temu bual bersama Puan Mastuyah binti Sahari selaku Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Bahagian Penguatkuasaan Wilayah Persekutuan, beliau berkata⁸:

“Macam ikuti kes Sajjad, kita sukar ingin mendakwanya kerana kita lihat video tersebut di Malaysia, tapi dia upload di Mekah. Kalau dengan peruntukan undang-undang yang kita baca dia ada lokasi kejadian, dalam kes online ni, kejadian tu dianggap dimana? Sama ada tempat ditonton atau tempat diupload? Perkara ini belum jelas dalam undang-undang. Itu cabaran kita”

Bidang kuasa mahkamah syariah adalah tidak menjangkau kes-kes jenayah syariah yang berlaku di luar sempadan. Hal ini demikian kerana, tiada peruntukan dalam undang-undang syariah di negara ini yang membolehkan tindakan undang-undang diambil kerana keterbatasan undang-undang syariah yang tertakluk di bawah bidang kuasa tempatan sesebuah negeri sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan (Rositah Kambol 2020). Puan Mastuyah menyatakan sebagai contoh dalam kes *transgender*, Muhammad Sajjad yang menunaikan umrah tersebut dimana ia juga melibatkan media sosial, sekiranya boleh didakwa golongan ini melalui tempat yang ditonton adalah lebih mudah untuk mensabitkan mereka di bawah kesalahan ini, namun, sekiranya dilihat dari sudut tempat dimana mereka memuat naik video kesalahan tersebut, maka inilah cabaran yang menyebabkan kesukaran dalam penguatkuasaan dan pendakwaan. Kesalahan yang dilakukan ini jelas boleh mencemarkan kesucian agama Islam dan menjatuhkan imej negara di mata dunia. Sekiranya peruntukan Malaysia ini

⁸ Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023.

masih tiada perubahan, lambat laun Malaysia akan menjadi semakin tenat dengan jenayah yang memburukkan nama Islam itu sendiri.

Sedikit ulasan berkaitan isu *transgender* berpakaian wanita atau menyerupai wanita dengan bertelekung sewaktu mengerjakan umrah menurut Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, dimana hukum perbuatan golongan *transgender* (*mukhannas*) menunaikan umrah dengan tidak mengikut jantina asal mereka, adalah haram dan dikira berdosa walaupun mematuhi rukun (Berita Harian, 4 Februari, 2020). Ini bertepatan dengan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-28 Musim Haji 1433H dalam kertas kerja bertajuk Khunsa Dan Mukhannas Dalam Permasalahan Ibadat Haji. Mereka ini bukan sahaja telah melakukan jenayah, bahkan telah mencabar agama Islam.

2. Cabaran Dari Aspek Kadar Hukuman

Sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 28 AKJSWP 1997, kadar hukuman bagi kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Melalui peruntukan ini dapat dilihat bahawa peruntukan hukuman ini adalah sangat ringan dan tidak setimpal dengan jenayahnya, sedangkan kesalahan ini amat berat jika dilihat dari sudut pandang Islam. Bagi golongan mak nyah yang terdiri daripada mereka yang berkemampuan ataupun boleh dikatakan seorang yang berada, hukuman ini dilihat sangat kecil bagi mereka dan mereka boleh membayarnya pada bila-bila masa. Sedia maklum, golongan ini ada yang telah menjadi sosok terkenal dengan kekayaan mereka, maka dengan kadar hukuman yang rendah ini adalah tidak munasabah untuk memberikan pengajaran setimpal pada mereka. Memanglah hukuman jenayah syariah ini dilihat rendah tetapi sebenarnya mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat, walau bagaimanapun peningkatan kadar hukuman amat diperlukan bagi menunjukkan mereka yang melakukan jenayah syariah yang melanggar perintah agama adalah jenayah yang berat yang akan dihukum dengan tegas.

Bukan sekadar jenayah orang lelaki berlagak seperti perempuan sahaja, begitu juga dengan kesalahan-kesalahan yang lain. Hukuman bagi jenayah syariah patut dipinda dan ditingkatkan bagi menimbulkan rasa gerun masyarakat Islam khususnya agar menjauhi jenayah syariah tersebut. Hukuman yang ringan ini akan memberi impak kepada imej mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman. Justeru itu, kadar denda yang lebih berat harus

dikenakan agar hukuman bagi kesalahan ini diambil pengajaran dan tauladan kepada mereka yang melakukannya.

3. Cabaran Dari Aspek Dokongan Luar Yang Berpengaruh

Golongan mak nyah ini adalah dipelopori dan amat didokongi oleh hak asasi manusia sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa seperti Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Sebagai sebuah institusi kebangsaan hak asasi manusia, peranan SUHAKAM adalah amat penting bagi memastikan rakyat yang ditindas mendapatkan hak mereka daripada kerajaan. Namun pun begitu, pendirian SUHAKAM dalam isu-isu yang sensitif telah mencetuskan kontroversi kerana dilihat seolah-olah berat sebelah yang lebih cenderung kepada nilai hak asasi Barat dengan tidak mengambil kira sudut agama dan budaya masyarakat majoriti di Malaysia.

Menurut Laporan Tahunan SUHAKAM 2018, SUHAKAM mendakwa diskriminasi terhadap kelompok LGBT adalah disebabkan oleh pematuhan kepada pengkelasan dua jantina secara tradisi, iaitu penentuan jantina berasaskan alat kelamin semata-mata, tanpa mengambil kira naluri atau perasaan sebagai “lelaki” atau “perempuan”, seperti yang didefinisikan oleh Barat pada hari ini. Sedangkan, cara hidup LGBT yang mengiktiraf perkahwinan sejenis jelas bercanggah dengan undang-undang Islam dan nilai tradisi masyarakat Malaysia (Muna ‘Adila 2020). SUHAKAM ada menyebut dalam satu bahagian khusus mengenai LGBT bahawa sistem dwiperundangan yang terdiri daripada Undang-undang Jenayah Persekutuan dan Undang-undang Syariah adalah merumitkan dan pada masa yang sama mendiskriminasikan komuniti LGBT. Dapat dilihat disini bahawa suruhanjaya ini sedikit sebanyak membawa pemikiran dan falsafah Barat yang bertentangan dengan perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan laporan-laporan yang dikeluarkan jelas menunjukkan adanya gambaran songsang yang ingin dibawa oleh sesetengah pihak.

Pendirian suruhanjaya yang ingin mengangkat hak asasi manusia ini mestilah menitikberatkan dan tidak membelakangi soal agama Islam dan menghormati Islam sebagai agama Persekutuan. Apabila suruhanjaya ini dilihat seolah-olah berat sebelah kepada kelompok LGBT, hal ini menjadikan rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam terus skeptikal dengan peranan dan fungsi SUHAKAM yang dilihat hanya mahu meratifikasi lebih banyak konvensyen dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa sebagai bukti kepatuhan standard hak asasi manusia sesebuah negara tanpa meraikan konteks setiap negara yang berbeza.

Dengan ini, statistik kes lelaki berlagak seperti perempuan dilihat adanya peningkatan dari semasa ke semasa kerana mereka merasakan didokongi dan seolah-olah dibenarkan perbuatan keji mereka tersebut⁹. Selain SUHAKAM, terdapat juga NGO di Malaysia yang memperjuangkan hak sama rata bagi golongan-golongan mak nyah ini iaitu Justice for Sisters dan Pertubuhan Pembangunan Kebajikan Dan Persekitaran Positif Malaysia (SEED) (Mohd Arif Ariffin Abu Bakar & Siti Zubaidah Ramli 2019).

4. Cabaran dari Aspek Pentadbiran

Terdapat banyak lagi cabaran dan halangan lain yang tidak diketahui oleh masyarakat yang perlu dihadapi oleh PPA di seluruh negeri termasuklah PPA di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. PPA ini perlu melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dalam keadaan mereka terpaksa menghadapi cabaran dalaman, dimana ia boleh menjejaskan mutu pekerjaan, perkhidmatan bahkan motivasi mereka semasa menjalankan tugas.

a) Kekurangan anggota kakitangan Pegawai Penguatkuasaan Agama

Sedia maklum, Kuala Lumpur merupakan ibu kota Malaysia yang mempunyai jumlah penduduk yang sangat ramai, terutamanya penduduk Melayu Islam. Namun dengan penduduk Islam yang ramai tersebut, hanya wujud satu pejabat penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Puan Mastuyah binti Sahari, Ketua PPA JAWI melalui temu bual bersama penulis:

“Dengan berjumlahkan 81 kakitangan penguatkuasaan termasuklah di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, ia sememangnya menjadi halangan yang besar dan hampir mustahil untuk berhasil menangani golongan mak nyah yang kian meningkat. Jika dibandingkan dengan balai polis dan anggota polis yang berada di Wilayah Persekutuan ini, bahagian penguatkuasaan JAWI sememangnya tertinggal jauh kebelakang. Sekiranya pihak kerajaan mengambil perhatian serius isu ini, maka tidak mustahil jenayah ini semakin lama semakin hilang di Malaysia. Kakitangan penguatkuasaan yang lebih ramai dan pejabat Jabatan Agama Islam yang lebih banyak cawangannya

⁹ Mastuyah Sahari (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 13 Jun 2023.

amat diperlukan bagi membanteras jenayah syariah khususnya, bukan sahaja jenayah lelaki menyerupai perempuan, bahkan jenayah-jenayah syariah lain seperti khalwat dan ajaran sesat.”¹⁰

b) Kekurangan kualiti dan kemahiran Pegawai Penguatkuasa Agama

Kakitangan Pegawai Penguatkuasa Agama khususnya di Wilayah Persekutuan bukanlah berlatar bidangkan perundangan syariah termasuklah jawatan tertinggi bahagian operasi mereka. Sebagaimana yang dikatakan oleh Puan Marina (Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan JAWI) melalui temu bual bersama penulis:

“Kebanyakan Pegawai Penguatkuasa Agama adalah berkelulusan dalam bidang Pengajian Islam, Usuluddin dan Bahasa Arab yang sememangnya tidak berfokus kepada undang-undang syariah secara khusus termasuklah pegawai berjawatan tertinggi.”¹¹

Lebih-lebih lagi apabila pekerjaan ini memerlukan kepada pemahaman undang-undang Syariah khususnya berkaitan akta, enakmen atau ordinan kesalahan jenayah syariah serta enakmen tatacara jenayah syariah. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kualiti pekerjaan mereka. Sedia maklum, apabila seseorang itu berpakaran dalam bidangnya, kualiti pekerjaan juga adalah lebih terjamin kerana mahir dalam selok belok bidang mereka. Perundangan merupakan bidang yang teknikal dan bukan semua masyarakat mampu memahami undang-undang dengan mendalam tanpa mempelajarinya dengan terperinci, mereka hanya cukup sekadar memahami perkara asas dalam perundangan. Maka apabila pihak kerajaan negeri melantik atau menerima mereka yang bukan di bidang yang sesuai, ia akan membebankan mereka yang dilantik untuk memahami konteks tugas mereka seterusnya akan memberi kesan kepada kualiti dalam tugas mereka bagi menangani jenayah.

Selain itu, kekurangan kualiti penguatkuasaan seperti kurang terlatih dalam pengetahuan dan kemahiran untuk menguatkuasakan undang-undang, ketangkasan fizikal dan sebagainya menyebabkan wujud kelemahan dalam penguatkuasaan. Oleh yang demikian, boleh menyumbang kepada berlakunya insiden seperti salah tangkap, prosedur dan undang-undang tidak dipatuhi,

¹⁰ Mastuyah Sahari (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 13 Jun 2023.

¹¹ Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023.

tidak mahir dalam menjalankan tugas-tugas pencegahan dan penyiasatan menjadikan jenayah ini khususnya golongan mak nyah sukar dibanteras (Mohd Arif Ariffin Abu Bakar & Siti Zubaidah Ramli, 2019). Dengan mengambil kira kebanyakan Penguatkuasa Agama tidak mempunyai latar belakang undang-undang syariah, dasar, panduan serta manual perlu diwujudkan bagi memudahkan cara pelaksanaan keadilan jenayah. PPA juga perlu untuk melakukan operasi secara berkala agar mampu belajar dari pengalaman dalam kerja (*on-the-job-training*) sewaktu menjalankan operasi dan bekerjasama dengan pegawai yang lebih senior.

Selain itu, cabaran lain yang menyumbang kepada kekurangannya kualiti PPA ini adalah apabila jawatan PPA berpandukan skim sosial dan bukannya skim tetap, mereka akan sentiasa bertukar ganti ke bahagian yang lain seperti bahagian dakwah, bahagian perkahwinan dan lain-lain bahagian setiap 4 tahun. Disini dilihat terdapatnya kelemahan dalam sistem pentadbiran mereka, dimana sekiranya PPA telah diberi latihan yang banyak berkenaan dengan operasi tangkapan dan telah berkemahiran, namun mereka terpaksa ditukarkan bahagian dan dalam masa yang sama PPA yang baru dilantik daripada bahagian yang lain yang tidak mahir dalam penguatkuasaan juga menyumbang kepada kekurangannya kualiti penguatkuasaan. Sekiranya sistem ini diteruskan, maka isu ketidakmahiran dan kekurangan kualiti penguatkuasaan tidak akan berkesudahan. Pada pendapat penulis, sekiranya jawatan PPA ini telah tetap dan tidak berubah, maka kemahiran mereka melalui operasi tangkapan berkala, latihan yang cukup diberikan, pengalaman yang sentiasa digilap sebenarnya membantu dalam melancarkan tugas mereka untuk menangani jenayah di negara dimana mereka akan benar-benar mahir dalam menyelesaikan tugas mereka.

5. Cabaran Dari Aspek Kemudahan Penguatkuasaan

a) Peralatan penguatkuasaan, dan fasiliti yang tidak lengkap

Kekurangan prasarana dari pihak penguatkuasaan juga menyumbang kepada kekurangannya efisiensi penguatkuasaan jenayah. Pihak penguatkuasaan jenayah syariah kurang kelengkapan sebagaimana polis dalam membantu aktiviti penangkapan pelaku kesalahan, seperti pistol, gari, kamera mini dan kelengkapan lain. Bahkan hanya dua buah van yang dibekalkan untuk operasi penangkapan dan itu juga telah digunakan selama 6 sehingga ke 7 tahun menurut Puan Marina dalam temubual. Selain itu, adakalanya pejabat penguatkuasaan ini menghadapi gangguan liputan dan koneksi talian

yang mengganggu kelancaran tugas mereka mengakibatkan masyarakat berpandangan pihak-pihak ini tidak menjalankan tugas mereka dengan baik¹². Apabila kelengkapan dan kemudahan tidak mencukupi dan berfungsi dengan baik, proses penangkapan juga akan menjadi lambat dan tidak cekap.

Jadual 1: Peralatan Operasi Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Peralatan	Kuantiti
Van	2
Kamera	4
Walkie Talkie	6
Gari	1

Sumber: Temubual bersama Puan Marina (Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan JAWI)¹³

Daripada jadual ini, dapat diperhatikan bahawa sememangnya pihak penguatkuasa JAWI menghadapi kekurangan daripada kelengkapan sedia ada bagi menangani jenayah golongan mak nyah dan jenayah-jenayah syariah yang lain. Cabaran ini bukan sahaja dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan, bahkan di negeri lainnya juga menghadapi halangan sedemikian. Jika diperhatikan, peralatan penguatkuasaan yang sedia ada juga tidak dapat dibekalkan banyak untuk kegunaan pegawai penguatkuasa yang ditempatkan di daerah-daerah. Ia amat mencabar dengan kuantiti peralatan yang demikian ingin menangani kesalahan syariah di sesuatu negeri tersebut.

Melalui pemerhatian penulis, apabila menghadiri Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam JAWI untuk menemuramah pihak berkuasa tersebut, kemudahan pejabatnya juga dilihat sangat tidak kondusif dan banyak kekurangan prasarana sekiranya dibandingkan dengan pejabat polis sedangkan kedua-dua agensi tersebut mempunyai peranan dan tujuan yang sama iaitu membanteras jenayah dan sekiranya perlu, bertindak menangkap mereka yang melakukan kesalahan demi keamanan negara. Sedangkan bahagian Penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur iaitu di ibu kota Malaysia juga mengalami keterbatasan kemudahan apatah lagi negeri-negeri

¹² Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023.

¹³ Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023..

dan daerah-daerah terpencil yang lain. Cabaran kekurangan fasiliti ini masih berlarutan dari awal penubuhan bahagian penguatkuasaan sehinggalah kini pada tahun 2023.

b) Ketiadaan tempat tahanan yang mencukupi bagi pesalah

Tempat tahanan ini merupakan kemudahan khas bagi tertuduh yang ditangkap oleh pihak penguatkuasaan. Ia menjadi masalah apabila tiadanya penyelarasan di peringkat negeri-negeri dimana bilik tahanan sementara hanya disediakan di beberapa negeri, namun tidak digazetkan (Siti Zubaidah Ismail 2015). Kawalan selia terhadap tempat tahanan tersebut juga tidak dapat dikawal selia dengan sempurna. Seheinggakan ada ketikanya Pegawai Penguatkuasa Agama terpaksa memohon belas ihsan menggunakan lokap polis sebagai tempat tahanan sementara bagi suspek-suspek yang ditangkap. Tempat tahanan yang khusus sangat diperlukan oleh PPA bagi menampung suspek yang ditangkap yang terlalu ramai. Sebagai contoh, pada tahun 2016, dalam satu serbuan majlis makan malam anjuran kumpulan ‘mak nyah’ yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah berhasil menahan 200 mak nyah berserta penganjur majlis tersebut dan dibawa ke Balai Polis Dang Wangi. Dapat dilihat bahawa suspek-suspek yang terlibat adalah terlalu ramai, dan pihak PPA Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) perlu menangani kes tersebut walau seramai mana pun suspek yang terlibat. Oleh itu, hal ini akan menyukarkan pihak JAWI untuk menempatkan suspek-suspek mak nyah yang dilihat terlalu ramai semakin hari, sementara siasatan dibuat oleh kerana tiadanya tempat tahanan yang khusus.

6. Cabaran-Cabaran Lain

Persepsi masyarakat atau pihak tertentu juga menyumbang kepada cabaran terhadap pihak penguatkuasa agama. Sebagai contoh, terdapat kritikan segelintir masyarakat yang menuduh pihak penguatkuasa agama telah mencampur urusan peribadi dan kebebasan mereka. Gelaran ‘polis moral’, ‘pengintip’ juga kedengaran dicanang dan dilaungkan oleh beberapa pihak yang agak kritikal dengan pendekatan penguatkuasa agama menjalankan tanggungjawab mereka (Siti Zubaidah Ismail 2008). Pandangan negatif terhadap PPA ini sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap usaha pelaksanaan menangani jenayah syariah di Wilayah Persekutuan khususnya. Antara tuduhan dan tohmahan yang dilontarkan kepada PPA adalah seperti PPA ‘menjaga tepi kain orang’, tidak mengikut Prosuder Penyiasatan (SOP), bertindak melulu dan mencerooboh ketika menjalankan penguatkuasaan. Sekiranya kesalahan

tersebut berjaya disabitkan dan berjaya dijatuhkan hukuman, ada pula yang mendakwa hukuman yang dijatuhkan itu adalah bersifat kolot, menghina, menyekat kebebasan seseorang individu dan boleh menjatuhkan maruah seseorang (Abdul Qahhar bin Ibrahim, 2017).

CADANGAN BAGI MENANGANI JENAYAH SYARIAH GOLONGAN MAK NYAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1. Pindaan Peruntukan Seksyen 28 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997

Peruntukan Seksyen 28 AKJSWP 1997 yang sedia ada mampu dicabar oleh pihak tertuduh di mahkamah adalah kerana kelompongan yang wujud di dalamnya. Hal ini terjadi kerana kesemua elemen yang diperuntukan dalam seksyen ini perlu dipenuhi tanpa gagal. Terdapat lima elemen yang wajib dipenuhi oleh pelaku bagi mensabitkan mereka di bawah kesalahan ini iaitu seorang lelaki, berpakaian perempuan, berlagak seperti perempuan, dimana-mana tempat awam dan dengan niat melakukan perbuatan tidak bermoral. Seseorang itu tidak akan bersalah selagi tidak dapat dibuktikan bersalah. Sebagaimana yang telah dibincangkan di bab sebelumnya, elemen ini datang bersekali, maka sekiranya mana-mana pelaku yang tidak dapat dibuktikan melakukan kesemua elemen di bawah seksyen ini adalah tidak bersalah walaupun terang-terangan mereka memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan. Disini jelas bahawa terdapatnya kelemahan dalam peruntukan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan yang perlu dibaiki atau melakukan penambahbaikan peruntukan yang dominan supaya tidak dicabar sesuai dengan perkembangan semasa.

Melalui hasil dapatan kajian melalui temubual bersama Puan Marina¹⁴, cadangan pindaan yang boleh dilakukan oleh pihak berkepentingan adalah elemen ‘dimana-mana tempat awam’ boleh dipinda kepada ‘dimana-mana tempat awam termasuk media sosial’. Hal ini demikian kerana, pada perkembangan semasa hari ini, kebanyakan masyarakat menggunakan media sosial sebagai medium penyebaran dan mendapatkan maklumat sama ada ia baik ataupun buruk. Tambahan pula, masyarakat yang menggunakan media sosial ini tidak kira dari umur kanak-kanak sehinggalah dewasa bahkan warga tua yang mana tidak dapat dikawal penggunaannya. Maka ia menjadi parah apabila sering kita lihat ada dari kalangan golongan mak nyah ini merupakan

¹⁴ Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023..

‘influencer’ yang sedikit sebanyak boleh mempengaruhi masyarakat dari pelbagai lapisan umur.

Pelaku-pelaku kesalahan ini sering mendakwa bahawa mereka bukan di tempat awam dimana mereka membuat ‘live’ ataupun video tersebut adalah di dalam bilik ataupun rumah mereka sendiri yang tiada siapa boleh melihat mereka, sedangkan mereka memuat naik video tersebut di media sosial yang menjadi tatapan umum. Definisi tempat awam setakat pada hari ini adalah kawasan-kawasan terbuka kepada pandangan umum terutama kawasan lalu-lalang orang ramai seperti ruang legar pusat-pusat membeli-belah, tempat pelancongan, di tepi jalan dan lain-lain tempat tumpuan orang awam. Ini bermakna media sosial belum dikira sebagai tempat awam. Oleh itu, pindaan terhadap elemen tempat awam ini perlulah dipinda kepada ‘di tempat awam termasuk media sosial’ kerana media sosial jelas-jelas merupakan tempat tumpuan orang ramai. Sebahagian daripada mereka yang memuat naik video mereka di media sosial memakai pakaian seksi yang melampau dan menayangkan adegan-adegan ‘manis’ berpeluk dan bercium pasangan seolah-olah mencabar agama dan undang-undang. Sekiranya dibiarkan gejala ini, tidak mustahil golongan-golongan ini akan semakin bertambah di media sosial dengan mempertikaikan bahawa mereka bukan melakukan perbuatan keji tersebut di tempat awam tetapi di kediaman masing-masing.

Selain itu, pindaan seterusnya yang perlu dibuat adalah elemen perbuatan tidak bermoral. Hal ini adalah kerana golongan mak nyah yang berpakaian seperti perempuan ini mendakwa bahawa mereka tidak melakukan perbuatan tidak bermoral seperti aktiviti hubungan seks dan pelacuran, tetapi mereka membuat aktiviti seperti menjual produk mereka seperti baju, menunjukkan kehidupan biasa seperti melancong sebagaimana orang lain dan sebagainya. Disini dapat dilihat bahawa sukar bagi penguatkuasa dan pendakwa untuk membuktikan kesalahan tersebut. Maka dengan membuang terus elemen perbuatan tidak bermoral ini akan menjadikan pendakwaan lebih mudah dan berkesan. Dengan ini, dapat mengelakkan kemudaratan yang lebih berat berlaku. Apabila dipinda Seksyen 28 AKJSWP 1997 dilakukan, maka secara keseluruhannya peruntukan adalah seperti berikut:

“Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam termasuk media sosial adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”

Dengan melakukan pindaan-pindaan ini, golongan ini tidak dapat lagi mempertikaikan peruntukan Seksyen 28 AKJSWP 1997 tersebut. Pindaan

terhadap kadar hukuman juga perlu segera dibuat dengan mempertingkatkan bagi menimbulkan rasa gerunan dan betapa dahsyatnya hukuman yang akan diberikan kepada mereka yang melanggar hukum Allah.

Seterusnya, cadangan pindaan Akta 355 juga perlu diketengahkan bagi membolehkan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap golongan LGBT. Setakat ini, hukuman bagi kesalahan jenayah syariah adalah masih tertakluk kepada hukuman maksimum tidak melebihi tempoh 3 tahun penjara, RM5,000 denda dan enam kali sebatan. Penguatkuasaan yang lemah, ringan dan longgar tanpa usaha yang serius dan agresif boleh membawa kepada risiko menularnya secara kritikal yang sangat tinggi terutama pasca media sosial kini dimana masyarakat sangat mudah terpengaruh dengan apa yang ditonton tanpa menilai kesan baik dan buruk (Mohamad Afandi & Mohd Sabree Nasri 2020). Dengan kadar hukuman yang tinggi akan memberikan rasa gerunan dan sebagai amaran kepada pelaku. Pindaan perlu dilakukan bagi memudahkan penguatkuasaan terhadap golongan ini. Pengalaman menjadi seorang *transgender* dan pernah ditangkap sebanyak tiga kali, Cikgu Jeffri menyatakan bahawa satu-satunya penyelesaian yang boleh dilakukan ialah dengan mengetatkan lagi undang-undang syariah dan penguatkuasaannya kerana golongan *transgender* amat takut akan pegawai penguatkuasa syariah.

2. Cadangan dalam Mereformasi Pendekatan SUHAKAM

Pereformasian semula berkaitan pendekatan hak asasi manusia yang dilihat pro-barat oleh SUHAKAM perlu dilakukan dan diberi perhatian. Sebagai sebuah institusi hak asasi manusia kebangsaan, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) mempunyai peranan yang amat besar dan penting di peringkat antarabangsa terutamanya dalam memastikan hak asasi manusia di Malaysia memenuhi keperluan masyarakat dengan bergerak seiring dengan Perlembagaan Persekutuan disamping mengambil kira hukum Islam agar Malaysia mempunyai rekod hak asasi yang dihormati dunia. Berdasarkan undang-undang persekutuan, SUHAKAM diberi kuasa untuk memberikan pandangan mereka kepada Kerajaan Malaysia berkaitan sebarang pelanggaran hak asasi manusia dan penambahbaikan undang-undang serta dasar-dasar kerajaan agar selaras dengan prinsip dan piawai hak asasi manusia antarabangsa sebagaimana termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948 dan Perlembagaan Persekutuan (Muna 'Adila 2020).

Namun pun begitu, SUHAKAM telah pun mencetuskan isu-isu kontroversi yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama dimana melalui laporan-laporan SUHAKAM dalam membahaskan berkaitan hak asasi manusia yang berlaku

di Malaysia khususnya adalah cenderung kepada nilai hak asasi Barat seolah-olah telah tidak mempertimbangkan posisi agama serta budaya masyarakat majoriti di Malaysia dalam membuat sesuatu keputusan. SUHAKAM bertanggungjawab untuk membetulkan naratif hak asasi manusia di peringkat antarabangsa mengikut acuan Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan berpandukan Deklarasi Sejagat Hak Asasi Islam 1980, Deklarasi Kaheerah tentang Hak Asasi Manusia dalam Islam 1990 dan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN 2012 sebelum sesuatu membuat sesuatu keputusan yang dicadangkan. Juga adalah tidak wajar apabila pendirian SUHAKAM dibuat dengan tidak diambil kira pandangan individu yang berautoriti dalam hukum-hakam syariah. Sebagai contoh isu berkaitan transgender yang beragama Islam, undang-undang syariah melarang sekeras-kerasnya untuk mereka menyebarkan atau mengamalkan budaya LGBT. Tidak sepatutnya dilihat kebebasan hak asasi mereka ditahan ataupun disekat, akan tetapi perbuatan mereka itu jelas-jelas telah melanggar hukum Allah dan masyarakat sosial dan sekiranya kita membiarkan mereka bebas bergerak melakukan perbuatan sumbang di Malaysia, seolah-olah kita membenarkan perbuatan mereka. Sampai suatu hari nanti, tidak mustahil Allah menurunkan bala kepada semua umat Islam kerana tidak bertegas dalam menolak kemungkaran yang berlaku.

Kriteria pelantikan pesuruhjaya SUHAKAM adalah merujuk kepada Seksyen 5(3) Akta SUHAKAM yang mana pesuruhjaya SUHAKAM hendaklah daripada kalangan tokoh terkenal daripada pelbagai latar belakang agama dan kaum yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia. Disini dapat dilihat bahawa pelantikan pesuruhjaya hanya memerlukan kepada pengetahuan dalam bidang hak asasi antarabangsa semata-mata tanpa melihat amalan hak asasi rakyat tempatan. Pada ketika ini, hanya empat daripada sembilan orang pesuruhjaya SUHAKAM adalah beragama Islam manakala yang lainnya adalah bukan beragama Islam. Hal ini dikhuatiri tidak melambangkan kedudukan masyarakat Islam sebagai majoriti di Malaysia, sekaligus pendirian yang dikeluarkan tidak seimbang dalam mengambil kira nilai setempat dan realiti semasa. Oleh itu, Akta SUHAKAM hendaklah mensyaratkan agar bilangan Pesuruhjaya yang dilantik adalah berbangsa Melayu yang beragama Islam melebihi secara keseluruhannya. Kriteria pelantikan pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM ini juga perlu diperketatkan dengan memastikan ia dianggotai oleh ahli yang bukan sahaja pakar dalam memahami instrumen hak asasi antarabangsa, bahkan juga mampu mempertahankan struktur asas Perlembagaan Persekutuan yang terdiri daripada kedudukan Islam, Raja-raja dan orang Melayu. Dengan itu, setiap isu berkaitan hak asasi manusia yang berlaku di Malaysia boleh diadili dengan

lebih cermat dan disesuaikan dengan instrumen hak asasi antarabangsa dengan nilai setempat serta realiti semasa.

Sebagai negara yang majoriti rakyatnya adalah Melayu Islam, SUHAKAM tidak boleh beroperasi dengan mengabaikan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dalam membicarakan perlindungan berkaitan hak asasi. SUHAKAM disarankan untuk merujuk dan melakukan kerjasama erat dengan agensi-agensi agama negeri terutamanya bagi isu yang melibatkan bidang kuasa negeri. Ia penting bagi memastikan pendirian yang dikeluarkan adalah selaras dengan undang-undang serta adat dan tradisi di Malaysia, terutamanya Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Negeri-Negeri, serta kedudukan dan kedaulatan negeri-negeri yang sedia termaktub dalam Perlembagaan. Menjadi tanggungjawab SUHAKAM, untuk mereformasi semula pendekatan yang digunakan dalam menilai situasi hak asasi di Malaysia.

3. Cadangan Memperkasakan Bahagian Penguatkuasa Agama

Berdasarkan hasil temubual di Bahagian Penguatkuasaan JAWI, dapat dianalisis bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh Pegawai Penguatkuasa Agama adalah kekurangannya kakitangan dalam membantu penguatkuasaan golongan mak nyah yang berlaku di Malaysia. Dengan berbekalkan 81 orang PPA di Wilayah Persekutuan, sebenarnya dilihat agak mustahil untuk membanteras pesalah-pesalah jenayah syariah yang kian meningkat jumlahnya di Wilayah Persekutuan. Melalui hasil dapatan temubual bersama Puan Mastuyah, adalah dicadangkan untuk memperkasakan penguatkuasa agama sebagaimana polis dalam menangani gejala ini. Jika dibandingkan kuantiti PPA kini dengan jumlah polis, sememangnya PPA tertinggal jauh kebelakang, bahkan selain cawangan utama di Kuala Lumpur, hanya terdapat dua sahaja cawangan JAWI iaitu cawangan Putrajaya dan cawangan Labuan bagi melaksanakan peranan mereka. Sedangkan majoriti masyarakat di Malaysia adalah beragama Islam. Polis sememangnya merupakan penguatkuasa negara bagi menjamin keselamatan negara keseluruhannya, namun sekiranya jenayah syariah ingin dibanteras dengan berkesan, Pegawai Penguatkuasa Agama negeri juga perlulah dimartabatkan. Selain matlamat ingin dimartabatkan mahkamah syariah bagi menjunjung agama Islam dan dipandang tinggi oleh masyarakat di negara, PPA yang mengurus tadbir kesalahan berkaitan hal ehwal Islam juga perlu diperkasakan.

Bagi pelantikan PPA yang diurus oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dari sudut kelayakan dan kepakaran mereka perlulah diteliti. Hal ini demikian kerana, kebanyakan PPA hari ini tiada asas dalam perundangan

Islam, sedangkan hal berkaitan undang-undang ini adalah suatu perkara yang kompleks dan teknikal. Pemahaman yang mendalam dalam bidang undang-undang diperlukan bagi setiap anggota PPA bagi memudahkan urusan perjalanan penguatkuasaan terhadap jenayah ini. Perlu juga diberikan kemahiran dengan latihan profesional jangka pendek dan panjang secara berkala yang memberi penekanan kepada aspek pengetahuan undang-undang, teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran yang memerlukan tindakan fizikal seperti latihan mempertahankan diri dan cara-cara tangkapan serta penguatkuasaan dan sebagainya kepada setiap PPA. Sebagai contoh pada 14 dan 15 Jun 2017, Bahagian Penyelarasan Undang-Undang, JAKIM telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Kemahiran Pegawai Penguatkuasa Agama Siri bertempat di JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya. Bengkel ini melibatkan semua Pegawai Penguatkuasa Agama daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan berobjektifkan untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme peserta untuk mentransformasi kerjaya dalam bidang penguatkuasaan (JAKIM 2023). Melalui usaha ini secara berkala, hasilnya, ia mampu membantu PPA untuk menggunakan kepakaran dan kebijaksanaannya bagi memastikan hasil yang optima dapat diberikan.

Kelengkapan yang mencukupi juga amat diperlukan sama ada bagi tujuan pengoperasian dan prasarana di pejabat bahagian penguatkuasaan JAWI itu sendiri untuk memperkasakan penguatkuasa agama. Kawasan yang kondusif berperanan memberikan semangat dan dorongan kepada PPA untuk menghasilkan kerja yang efisien. Penambahan peralatan sedia ada perlu diberikan kepada PPA bagi membantu memudahkan proses penangkapan jenayah.

Walau bagaimanapun, sebenarnya ia berbalik juga kepada pelaku. Walaupun ramai penguatkuasa berkemahiran dilantik, namun sekiranya pelaku masih lagi mengulang atau melakukan kesalahan tersebut, ia tetap juga akan berlaku. Sebagai contoh, walaupun ramainya anggota polis di Malaysia, rakyat masih melakukan kesalahan lalu lintas, jenayah rogol semakin meningkat dan isu penderaan juga semakin berleluasa. Apapun pengakhirannya adalah berbalik kepada tahap kesedaran dalam diri seseorang individu tersebut itu sendiri.

4. Cadangan Penambahbaikan Operasi Penguatkuasa Agama

Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah yang dikuatkuasakan di negara amat penting bagi memberikan panduan dan rujukan, namun setiap Jabatan Agama Islam Negeri turut perlu mewujudkan suatu *Standard Operating Procedur* (SOP) lengkap sebagai panduan kepada Pegawai Penguatkuasa

Agama semasa menjalankan tugas dan peranan mereka dengan lebih teliti dan berkesan. Demikian telah wujud akta dan enakmen tatacara jenayah syariah yang mempunyai peruntukan berkaitan menangani aduan, siasatan, tangkapan, geledah sehinggalah kepada tatacara pendakwaan dan perbicaraan, namun ia dalam bahasa undang-undang yang teknikal dan panjang. Justeru, untuk memudahkan operasi dan pemahaman tatacara dan prosedur bagi memudahkan PPA untuk merujuknya, suatu (SOP) sememangnya diperlukan bagi menghalusi, memperkemas dan melancarkan lagi tugas-tugas penguatkuasaan dan pendakwaan (Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri 2019).

Apabila wujud suatu SOP tersebut yang mengandungi segala prosedur penangkapan, ia akan membantu PPA baru yang dilantik untuk merujuknya dengan hanya perlu memahami SOP tersebut dengan teliti agar tugas mereka dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh kerana jawatan pegawai di JAWI ini sentiasa berubah-ubah bahagian, maka dengan SOP ini sedikit sebanyak boleh membantu bagi memudahkan urusan tadbir setiap operasi. Hal ini juga penting untuk memastikan PPA sentiasa mengamalkan SOP yang betul dalam menguatkuasakan kesalahan jenayah syariah bagi mengelakkan penguatkuasaan jenayah syariah menjadi isu dalam kalangan masyarakat. Selain itu Bahagian Penguatkuasaan perlu sentiasa mengemaskini SOP tersebut dalam tempoh jangka masa tertentu bagi memastikan ia seiring dengan perubahan informasi dan pawaian penguatkuasaan.

Seterusnya, operasi rondaan hendaklah dibuat secara berkala di tempat-tempat kebiasaan yang menjadi lubuk kawasan golongan mak nyah melakukan urusan pelacuran dan perbuatan yang tidak bermoral lainnya. PPA perlulah sentiasa menumpukan penuh perhatian sepenuhnya dan mengambil tindakan segera apabila aduan dibuat di JAWI berkaitan jenayah ini di kawasan-kawasan lainnya. Setakat analisis kes mak nyah yang penulis dapati, kebanyakan kes di Kuala Lumpur ini adalah berlaku di Lorong Haji Taib. Disini PPA perlu mengambil tindakan tegas seperti menutup kawasan-kawasan tumpuan golongan ini bagi mengelakkan ia berterusan. Melalui hasil temubual bersama Puan Mastuyah, sering menjadi perbualan masyarakat bahawa PPA tidak menjalankan tugas dengan baik seperti tidak mengangkat telefon talian hotspot aduan yang dibuat. Namun, Puan Mastuyah menjawab bahawa JAWI kerap kali mengalami gangguan talian yang menggugat urusan tadbir pengoperasian. Dicadangkan bahawa JAWI hendaklah mengambil tindakan susulan bagi menyelesaikan gangguan talian yang mengganggu gugat pelicinan pentadbiran dengan berurusan terus dengan Telekom Malaysia Berhad. Namun, ia bukanlah menjadi alasan untuk masyarakat berhenti membuat aduan di JAWI.

JAWI perlu meningkatkan kecekapan dalam pengoperasian agar benar-benar jenayah mak nyah ini dapat disifarkan.

Kemudian lakukan publisiti atau hebahan kepada masyarakat terhadap usaha yang telah dilakukan oleh bahagian penguatkuasaan JAWI, dimana ia penting dalam transformasi meningkatkan kecekapan pentadbiran penguatkuasaan dalam mendapatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat. Hal ini kerana kecekapan Bahagian Penguatkuasaan Agama bukan sahaja dinilai melalui sistem pengurusan yang dibangunkan, namun apabila dapat menangani golongan mak nyah yang kian berleluasa. Oleh itu, hebahan terhadap usaha JAWI dalam penguatkuasaan jenayah ini adalah sebagai menjawab aduan masyarakat bahawa PPA tidak menjalankan tugas dengan baik. Hebahan cabaran yang dihadapi oleh PPA dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah lelaki berlagak seperti perempuan seperti peruntukan undang-undang yang membataskan penguatkuasaan dilaksanakan terhadap golongan ini, perlulah dimaklumkan dan diuar-uarkan melalui pelbagai medium seperti media akhbar kepada masyarakat untuk menunjukkan bahawa inilah cabaran utama mengapa golongan ini dilihat seolah-olah sukar didakwa dan disabitkan kesalahan. Secara tidak langsung, ia merupakan usaha menggesa pihak berkuasa dalam pindaan undang-undang untuk meminda peruntukan Seksyen 28 AKJSWP 1997 berkenaan dengan segera.

Bagi aduan yang diterima oleh PPA, PPA hendaklah mengikuti kes itu sehinggalah pelaku itu dikenakan tindakan dan hukuman sewajarnya sehingga selesai. PPA tidak boleh berhenti separuh jalan sekiranya terdapat sekatan-sekatan untuk melaksanakan penangkapan dan pendakwaan terhadap golongan ini. Tindakan segelintir pihak penguatkuasa yang tidak mengambil langkah susulan terhadap pelaku melihatkan pihak-pihak ini melaksanakan tugas mereka dengan tidak cekap.

KESIMPULAN

Tuntasnya, penguatkuasaan jenayah syariah golongan mak nyah ini perlu lebih diberi perhatian dengan lebih baik. Masing-masing perlu memainkan peranan dalam membanteras jenayah ini. Faktanya, jika tidak diberikan perhatian kepada jenayah ini, maka lebih banyak implikasi buruk boleh berlaku antaranya adalah akan berlakunya pembedahan pertukaran jantina secara berleluasa, permohonan untuk menukarkan status jantina ke JPN akan meningkat, keseimbangan dan kesejahteraan sistem masyarakat akan terganggu, berlakunya penipuan terhadap jantina sehingga boleh mengakibatkan perkahwinan sejenis yang terang-terang dilarang dalam Islam.

Penulis berharap agar suara-suara yang memperjuangkan LGBT yang jelas songsang dari fitrah manusia hendaklah diambil tindakan bagi mengelakkan akibat yang lebih buruk berlaku. Golongan LGBT ini merasa selesa dan menganggap perbuatan mereka ini disokong dan dibenarkan atas alasan hak asasi mereka perlu diperjuangkan. Sekiranya masing-masing terleka untuk mencegah dengan segera, kemudharatan dan bala yang lebih buruk itu bakal tiba. Kerjasama yang membabitkan semua masyarakat amat diperlukan. Semua pihak perlu berjihad memainkan peranan mereka seperti dengan menunjukkan bencinya perbuatan kemungkaran tersebut, memberikan nasihat secara kaunseling, psikologi, perubatan, pendidikan Islam dan apa sahaja rawatan hendaklah dilakukan bagi membantu PPA untuk menyelesaikan kes mak nyah yang semakin meningkat. Sikap masyarakat yang hanya menunding jari dan menyalahkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Agama tidak dapat menyelesaikan isu dan permasalahan yang berlaku dalam pengurusan jenayah di Malaysia khususnya bagi kajian ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia.

Oleh itu, masyarakat Islam hendaklah menggembelng kudrat berkerjasama bagi merealisasikan matlamat menangani jenayah mak nyah di Malaysia. Penulis juga berharap bahawa kajian ini mampu sedikit sebanyak membantu bagi melakukan perubahan penguatkuasaan jenayah syariah lelaki berlagak seperti perempuan di Malaysia dengan lebih menyeluruh untuk dikuatkuasakan.

RUJUKAN

- Abdul Qahhar bin Ibrahim, Abdul Ghafar Hj. Don, Muhamad Faisal Asha'ari (2017). "Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) Dalam Melaksanakan Hisbah di Negeri Selangor." *Jurnal Fikiran Masyarakat. Penerbit Kemala, Indonesia*. Vol. 5. No. 3. t.t.
- Abi Bakr as-Sarkhasi al-Hanafi (2013). *al-Mabsut*. al-Maktabah al-Murtadawiyya.
- Abu Zakariya al-Nawawi, Yahya Bin Syaraf, *Raudhah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin* (1991), al-Maktab al-Islami, Beirut, j.1 h.78 ;
- al-Suyuti, Abdurrahman Bin Abu Bakar, *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyah* (1983), Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Analisis Tematik Ḥadīth Berkaitan Faqir Dan Miskin Dalam Ṣaḥīḥ Bukhari, Pusat Bahasa Moden Dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang.

- Ai'shah (1999). Perbuatan tidak sopan mengikut Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan (2) (1985); Satu kajian kes di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Degree Thesis. Universiti Malaya.
- Amran Hassan, et. al. (2013). "Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial". *Jurnal Perspektif*, 5(1): 39-52
- Gerald P. Mallon. (2009). *Social Work Practice With Transgender And Gender Variant Youth*, Cet. Ke-2. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Javid Rehman & Eleni Polymenopoulos. 2013. "Is Green A Part Of The Rainbow? Sharia, Homosexuality, And LGBT Right In The Muslim World". *Fordham International Law Journal*. 37 (1):1-52
- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal & Muhammad Najib Abdul Wakil (2020). "Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian," *INSLA e-Proceeding*, vol. 3, no. 1, 459-470.
- Mohamad Afandi dan Mohd Sabree. (2019). Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan cadangan penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, vol. 2, no. 1, 51-65.
- Mohd Afizul Hakim, Ibrahim Mazlan & Muhd Helmi. (2021). Keperluan Hukuman Pemulihan Terhadap Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan: Satu Cadangan. Retrieved from <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>. Diakses pada 1 Jun 2023.
- Mohd Arif Ariffin Abu Bakar & Siti Zubaidah Ramli. (2019). Jenayah syariah golongan mak nyah: Isu dan Masalah penguatkuasaan di negeri Melaka. *Journal of Ilmi* vol. 9, 30-43.
- Mohd Farok Mat Nor, Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Azizah Mat Rashid, Maffuza Salleh (2017). "Skop dan peranan Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Sarawak: Kupasan dan cadangan Penambahbaikan." 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017). ILIM. Bangi, 7 September 2017.
- Mohamed Fouzi. Kelompangan SOP dan undang-undang jenayah syariah: Cabaran dan halangan agensi penguatkuasaan agama.
- Mohammad Hariz Shah & Ahmad Hidayat Buang (2021). "Penambahbaikan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan," *Sains Insani*, vol. 6, no. 3, 8-20.

- Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh. 2017. "Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita". *Jurnal Forum Komunikasi* vol. 12 (2):59-74
- Muhd Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan Shafie, Hisyam Hanapi, Fareed Mohd Hassan. 2019. "Salah laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-Undang sebagai Mekanisme Pembanterasan dan Kawalan". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*.
- Muhammad Najib, Mohamad Afandi & Mohd Sabree. Isu LGBT di Malaysia: Satu tinjauan terhadap aspek kajian. Vol. 3 No.1 pp. 459 - 470 | October 2020.
- Muna 'Adila. (14 Januari 2020) Kritikan konstruktif terhadap SUHAKAM.
- Nasrudin Hassan. 2011. "Seksualiti Merdeka 2011: Kembalilah kepada Fitrah", disiarkan dalam laman akhbar Sinar Harian bertarikh 4 november
- Nor Hafizah & Norsaleha (2016). "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)". *Jurnal Pengajian Islam*, vol. 9, 103-119
- Noor Hisham Md Nawī & Burhan Che Daud (2018). *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam: Gagasan & Amalan*. Kota Bharu: Penerbit UMK.
- Rositah Kambol. (2020). Kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*): Isu dan cadangan penyelesaian. *Journal of law & governance* volume 3 (no. 1) 2020:113-126.
- Sarakhsī Shams al-Dīn (1993), *al-Mabsūt*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī (2000). *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 4. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Siti Zubaidah Ismail (2008). "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis," *Jurnal Syariah*, vol. 16, no. 3, 537-554.
- Siti Zubaidah Ismail, Zusyrafain Yusof & Mohamed Afiq Afandi Mohamed Azahari (2014). "Cabaran Perundangan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syarie: Tumpuan Terhadap Tatacara Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah," *Jurnal Hukum*, vol. 39, no. 2, 165-181.
- Wuzārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.(1996).*al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Tiba'ah Zat al-Salasil.

Laman Sesawang

- Bernama. (2021, Januari 20). Muhammad Sajjad didakwa berpakaian seperti wanita ketika Majlis Solat Hajat. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muhammad-sajjad-didakwa-berpakaian-seperti-wanita-ketika-majlis-solat-hajat-278902> (Tarikh diakses: 16 Jun 2023).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Manual Islam & Mak Nyah*: Tinta Sdn.Bhd, Selangor, Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia
- JAKIM. 2019. Laman di website YADIM, <https://www.yadim.com.my/v2/tak-perlu-teruskan-persidanganpromosi-lgbt/>, diakses pada 8 April 2023.
- Laman web berita rasmi Ikatan Muslimin Malaysia Cawangan Kuala Terengganu. Jawi serbu majlis makan malam 'Mak Nyah'. (April 4, 2016). Retrieved from <http://www.ismakualaterengganu.com/2016/04/jawi-serbu-majlis-makan-malam-mak-nyah.html>. Diakses pada 12 Jun 2023.
- Laman web Dewan Bahasa dan Pustaka, Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bermoral&d=175768&>. Diakses pada 5 Jun 2023.
- Laman web Mufti Wilayah Persekutuan. (2015). Siri 5: Isu transgender, tasyabbuh atau penyerupaan: Hukumnya (Edisi kemaskini). Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1820-siri-5-isu-transgender-tasyabbuh-atau-penyerupaan-hukumnya-edisi-kemaskini>. Diakses pada 10 Mac 2023.
- Laman web Mufti Wilayah Persekutuan. (2021). Bayan Linnas siri ke-235: Gender ketiga menurut perspektif Islam. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4838-bayan-linnas-siri-ke-235-gender-ketiga-menurut-perspektif-islam>. Diakses pada 25/5/2023.
- Laman web Rasmi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Latar Belakang Sejarah Penubuhan. Retrieved from <https://www.jawi.gov.my/index.php/my/info-korporat/visi-a-misi>. Diakses pada 6 Jun 2023
- Luqman Arif Abdul Karim. (Julai 23, 2018). Kerajaan nak selamatkan 'mak nyah'. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/452695/kerajaan-nak-selamatkan-mak-nyah>. Diakses pada 8 Jun 2023.
- Portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Bengkel pemerkasaan kemahiran pegawai penguatkuasa agama siri 1/ 2017. Retrieved from <https://www.islam.gov.my/en/media-jakim/media-statement/1122-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-program-world-quran-hour-di-masjid-tuanku-mizan-zainal-abidin-putrajaya>. Diakses pada 27 Jun 2023.

Utusan Malaysia. Jun 16, 2022. 10 bulan kahwin, baru tahu ‘suami’ bukan lelaki. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/06/10-bulan-kahwin-baru-tahu-suami-bukan-lelaki/>. Diakses pada 11 Jun 2023.

Senarai Temu bual

Marina Kasim (Penolong Pengarah Kanan Agama Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 15 Jun 2023.

Mastuyah Sahari (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasaan JAWI), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 13 Jun 2023.

Senarai Kes

Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis, Shukur bin Jani & Wan Fairol bin Wan Ismail lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & Lain-lain [2015] 3 MLJ 513

